



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْاِخْوَانِ السَّلَامِ كِبَايَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

24 SYAABAN 1444H / 17 MAC 2023M

PUASA RAMADAN MANHAJ CAPAI MAQAM TAKWA

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 15.03.2023

PEGAWAI PENYEMAK : M. Z. FARHAN
MOHD ZARAT KHAN ABD FAHMAN

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 15/03/2023

DIBACA PADA : 17/03/2023

DILULUSKAN OLEH : BAHARUDIN HJ. ALWI

Ketua Penolong Pengurusan

Bahagian Penyelidikan & Informasi

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA
PUASA RAMADAN MANHAJ CAPAI MAQAM TAKWA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ

لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾ (سورة البقرة (2): 183)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، تَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga keimanan dan ketaatan kita dalam menjunjung segala titah perintah Allah SWT melayakkan kita beroleh kebahagiaan yang hakiki di negeri akhirat yang kekal abadi.

Selaras dengan kehadiran bulan Ramadan yang mulia tidak lama lagi maka mimbar Jumaat pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**PUASA RAMADAN MANHAJ CAPAI MAQAM TAKWA**”.

KAUM MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT!

Ramadan Mubarak Kembali bertandang, Umat Islam seraya diundang, Menunai puasa jangan terhalang, Raih ganjaran sedia terhidang.

Demikian sifat Rahman dan Rahimnya Tuhan, Membesarkan-Nya jangan diremehkan, Iman dan takwa menjadi buruan, Inilah tuntutan sesuai firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 185:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ
فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ
أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا
اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْكُم وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

Maksudnya: “(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu; dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka,

kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur.”

(QS al-Baqarah (2): 185)

Inilah ayat yang menjelaskan bahawa masa yang diwajibkan ke atas umat Islam untuk berpuasa ialah pada bulan Ramadan. Sesiapa yang melihat anak bulan Ramadan atau mengetahui masuknya bulan Ramadan, hendaklah dia berpuasa selama sebulan penuh. Bagi orang yang sedang bermusafir ataupun uzur dibolehkan berbuka, tetapi wajib diqada atau diganti sebanyak hari yang ditinggalkan pada bulan-bulan yang lain.

Ayat ini turut menjelaskan bahawa peristiwa Nuzul Al-Quran juga terjadi pada bulan Ramadan al-Mubarak. Al-Quran diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibrail AS sebagai petunjuk bagi seluruh umat manusia menuju jalan benar yang diredai Allah SWT. Lantas, Allah menganjurkan kita supaya bersyukur dan membesarkan-Nya kerana beroleh petunjuk serta rahmat daripada Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

PARA JEMAAH YANG MULIA!

Membesarkan Allah tidak memadai hanya dengan amalan membaca al-Quran, bertasbih, bertakbir, bertahmid dan bertahlil sahaja. Membesarkan Allah membawa maksud mematuhi perintah mengerjakan segala suruhan Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya dengan penuh keimanan dan

ketaatan setulus hati kerana Allah semata-mata. Ini termasuklah perintah mengerjakan ibadah puasa yang difardukan pada bulan Ramadan setiap tahun sebagaimana ditegaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya di dalam surah al-Baqarah, ayat 183:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.”*

(QS al-Baqarah (2): 183)

Hakikatnya, bulan Ramadan adalah bulan untuk berpuasa dan bulan yang sewajarnya dinanti-nanti oleh setiap orang yang beriman. Inilah bulan yang penuh dengan rahmat dan keberkatan yang kehadirannya bukan saja perlu disyukuri, malahan disambut dengan penuh kegembiraan dengan melipatgandakan amal ibadat ke arah mencapai darjat takwa. Dengan berhasilnya seseorang itu mencapai darjat takwa, maka akan terhapuslah segala dosanya yang telah lalu seterusnya terpelihara daripada azab neraka. Inilah intipati daripada hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah, Rasulullah bersabda,

Maksudnya: *“Sesiapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan ketaatan, maka akan diampunkan dosanya yang telah lalu.”*

(HR Bukhari)

Sehubungan itu, umat Islam seharusnya menyambut kedatangan bulan yang mulia ini dengan penuh kegembiraan. Gembira kerana berpeluang sekali lagi mengabdikan diri kepada Allah SWT melalui pelaksanaan ibadah puasa di samping gembira kerana bakal beroleh ganjaran pahala yang berlipatganda. Ini kerana setiap amalan sunat akan dibalas dengan pahala amalan fardu manakala setiap amalan fardu akan dibalas dengan 70 kali amalan fardu.

Namun persoalannya, bagaimanakah ibadah puasa yang diwajibkan pada bulan Ramadan itu boleh mentransformasi seseorang menjadi Muslim yang bertakwa? Dalam menelusuri persoalan ini, kita harus Kembali kepada pengertian dan tujuan ibadah istimewa ini yang terangkum dalamnya pelbagai hikmah dan tersingkap seribu satu macam rahmat yang menakjubkan.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!

Secara ringkasnya, berpuasa bererti menahan diri daripada lapar dan dahaga selain menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang merosakkan puasa mulai waktu terbit fajar hinggalah waktu terbenamnya matahari. Ibadah puasa mentarbiah umat Islam berlumba-lumba mengerjakan amal-amal salih dan berusaha sedaya upaya menjauhi perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Tujuan pokoknya adalah menyemaikan sifat kehambaan yang murni, mengabdikan diri hanya kepada Allah kerana didorong oleh iman dan ketaatan bagi membenih sifat ketakwaan.

Abu Hurairah pernah ditanya oleh seseorang mengenai takwa, lalu beliau bertanya kembali dengan katanya, "Apakah engkau pernah melalui jalan

yang penuh duri?”

Orang itu pun lantas menjawab, “Tentu saja.”

“Lalu apa yang engkau lakukan?”

Orang itu menjawab, “Jika aku melihat duri, aku akan menghindarinya.”

Lalu Abu Hurairah berkata, “Demikian itulah takwa.”

(Ibn Abi Dunya dalam Kitab at-Taqwa)

Justeru, ketakwaan yang hakiki akan menganjukkan darjat seseorang itu ke kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT hatta beroleh keuntungan di dunia dan keuntungan di akhirat. Tambahan pula ibadah puasa adalah satu-satunya ibadah untuk Allah, sebagaimana **maksud hadis Qudsi:**

“Allah berfirman: Semua amalan anak Adam adalah untuknya sendiri kecuali puasa. Puasa adalah untuk Aku (Allah), dan Aku sendiri yang akan membalasnya. Dan puasa itu adalah benteng.”

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT!

Belum pasti kita akan berkesempatan sekali lagi bersua dengan bulan Ramadan pada tahun depan. Justeru, anggaplah Ramadan kali ini seolah-olah yang terakhir buat kita agar terdorong untuk bersungguh-sungguh melaksanakan ibadah puasa serta memakmurkannya dengan amalan-amalan lain yang sangat dianjurkan kita melakukannya seperti solat sunat Tarawih, membaca al-Quran, memperbanyakkan sedekah, memberi hidangan berbuka kepada orang yang berpuasa, berzikir, beristigfar dan sebagainya. Pada masa sama, sebagai Muslim, kita tidak harus berputus harap kerana Allah SWT memberi ruang dan kesempatan kepada kita

untuk berdoa memohon kepada-Nya supaya dipertemukan lagi dengan bulan Ramadan al-Mubarak di tahun-tahun mendatang.

Sesungguhnya apa yang ada di sisi Allah dari pahala hari akhirat adalah lebih baik dan lebih kekal bagi orang yang beriman dan yang berserah bulat-bulat kepada Penciptanya. Maka ikhlaskanlah segala amal ibadah kita di bulan mulia ini semata-mata mengharap reda Allah serta takutkan azab-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong orang yang bertakwa dan beroleh kemenangan di akhirat. Firman Allah:

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَخْشِ اللَّهَ وَيَتَّقِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٥٢﴾

Maksudnya: “Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, dan takut melanggar perintah Allah, serta menjaga dirinya jangan terdedah kepada azab Allah, maka merekalah orang yang beroleh kemenangan.”

(QS an-Nur (24): 52)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي

هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ

وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،
أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى
مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانْ أَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّيْسِ
الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفْرَتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِيكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522142 / jheains.penerbitan@gmail.com



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.